

Soalan	Perincian	Markah
1(a)	F1 British F2 Amerika Syarikat F3 Perancis	1 1 1 [3 m]
1(b)	F1 Usaha diplomasi F2 Raja Mongkut membina hubungan baik dengan kuasa Barat F3 British/ Amerika Syarikat/ Perancis F4 Usaha pemodenan F5 Pelaksanaan birokrasi Barat F6 Pentadbiran kewangan/ pelabuhan/ kastam/ ketenteraan/ polis F7 80 orang penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai tempatan F8 Penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dari Britain/ penasihat kastam dari Amerika Syarikat/ penasihat ketenteraan dari Perancis F9 Guru dari Barat (British) untuk pelaksanaan sistem pendidikan Barat F10 Negara yang bersahabat dengan Barat F11 Raja Chulalongkorn meneruskan usaha pemodenan negara dan dasar terbuka	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3 m]
1(c)	F1 Pemimpin yang berwibawa F2 Sistem pemerintahan yang sistematik F3 Memastikan kestabilan politik F4 Pembaharuan ke arah kebaikan F5 Kepentingan ilmu pengetahuan F6 Melaksanakan hubungan diplomatik F7 Hidup berbaik-baik dengan negara luar F8 Bersikap terbuka F9 Pentadbiran yang efisien F10 Raja sebagai tonggak pemerintahan negara (Mana-mana jawapan berkaitan)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
2(a)	F1 Asas berkerajaan sendiri F2 Rakyat memilih wakil/ parti yang akan membentuk kerajaan F3 Pengamalan sistem demokrasi di sesebuah negara F4 Merintis jalan ke arah kemerdekaan	1 1 1 1 [2 m]
2(b)	F1 Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan F2 52 kawasan pilihan raya telah ditetapkan F3 Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan F4 Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu F5 Pendaftaran pengundi mulai 29 Oktober di Terengganu F6 Penamaan calon pada 15 Jun 1955 F7 Kempen pilihan raya selama 45 hari F8 Pembuangan undi/ hari mengundi pada 27 Julai 1955 F9 Pengiraan undi di pusat pengiraan undi F10 Pengumuman keputusan pilihan raya	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
2(c)	F1 Kematangan individu tidak diukur dari segi usia F2 Kematangan individu diukur melalui perilaku F3 Kematangan individu diukur melalui cara berfikir F4 Memikul tanggungjawab kerakyatan F5 Mengelakkan belia daripada mempunyai sikap tidak minat politik F6 Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri F7 Melahirkan pemimpin muda yang dinamik F8 Kemajuan politik negara setanding dengan negara maju F9 Mengatasi krisis kekurangan pelapis pemimpin muda F10 Membolehkan belia terlibat secara langsung dalam membuat keputusan berkaitan masa depan negara (Mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
3(a)	<p>F1 Raja sebagai pemerintah F2 Rakyat memberikan ketaatsetiaan F3 Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja F4 Undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka (Hukum Kanun Melaka/ Undang-undang Laut Melaka) mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain F5 Termasuklah Hukum Kanun Pahang/ Undang-undang Kedah/ Undang-undang Johor/ Undang-undang 99 Perak</p>	1 1 1 1 1 [2 m]
3(b)(i)	<p>F1 Mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan F2 Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu F3 Menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu F4 Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi dalam pembentukan Malaysia</p>	1 1 1 1 [2 m]
3(b)(ii)	<p>F1 Diperkenalkan melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 F2 Sebelum tahun 1948, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara F3 Rakyat sebagai rakyat raja F4 Kerakyatan British bagi yang lahir di Melaka/ Pulau Pinang F5 Taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyat F6 Setelah kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia</p>	1 1 1 1 1 1 [2 m]

Soalan	Perincian	Markah
3(c)	<p>F1 Menjamin keamanan negara F2 Menjamin kehidupan sejahtera F3 Menentukan hala tuju sesebuah negara F4 Rakyat mematuhi undang-undang F5 Pentadbiran mantap/ sistematik F6 Keselamatan negara/ rakyat terjamin F7 Rakyat hidup bersatu padu F8 Pemimpin tidak menyalah guna kuasa F9 Memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri F10 Menjamin kestabilan politik negara F11 Mempertahankan kedaulatan negara</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
4(a)	F1 Politik F2 Ekonomi F3 Masalah perkauman	1 1 1 [2 m]
4(b)	Faktor politik F1 Lee Kuan Yew tidak berpuas hati F2 Peranan kerajaan Singapura yang terhad F3 Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan F4 Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew F5 Menuntut hak sama rata untuk semua kaum F6 Menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk	1 1 1 1 1 1 [2 m]
	Faktor ekonomi F7 Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (common market) disegerakan F8 Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai F9 Dibayar kepada Kerajaan Persekutuan F10 Singapura mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan F11 Pembangunan Sarawak dan Sabah	1 1 1 1 1 1 [2 m]
	Faktor masalah perkauman F12 Berlaku rusuhan kaum di Singapura F13 Menimbulkan ketegangan antara kaum F14 Usaha menuntut persamaan hak yang sama rata bagi semua kaum F15 Menjadi isu antara kaum	1 1 1 1 1 [2 m]

Soalan	Perincian	Markah
4(c)	<p>F1 Mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara luar F2 Tidak menyebabkan nyawa terkorban F3 Menyokong agenda pembangunan negara F4 Menjamin kestabilan politik F5 Kedaulatan negara dipertahankan F6 Rakyat hidup sejahtera F7 Negara aman damai F8 Keselamatan negara/ rakyat terjamin F9 Imej negara meningkat F10 Memperkuuhkan hubungan diplomatik dengan negara luar F11 Meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara serantau</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
5(a)	<p>F1 Persaingan kuasa imperialis</p> <p>F2 disebabkan perkembangan Revolusi Industri di Eropah</p> <p>F3 bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan</p> <p>F4 bagi mendapatkan bahan mentah seperti arang batu/petroleum/ bijih timah</p> <p>F5 memasarkan hasil industri</p> <p>F6 Pakatan Ketenteraan</p> <p>F7 iaitu pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga</p> <p>F8 menyebabkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah</p> <p>F9 turut bersaing menghasilkan senjata moden</p> <p>F10 sedia berperang mempertahankan kepentingan masing-masing</p> <p>F11 Krisis Rantau Balkan</p> <p>F12 berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia</p> <p>F13 Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb supaya berjuang membebaskan diri</p> <p>F14 pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6 m]
5(b)	<p>F1 Keruntuhan Pemerintahan Beraja</p> <p>F2 menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia dan Empayar Uthmaniyyah</p> <p>F3 Kerajaan Republik Jerman didirikan apabila Kaiser Wilhem II terpaksa turun takhta dan mendapatkan perlindungan politik di Belanda</p> <p>F4 Empayar Austria-Hungary di bawah pemerintahan Dinasti Habsburg berakhir apabila timbul pemberontakan</p> <p>F5 Revolusi di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II</p> <p>F6 Kerajaan komunis pertama terbentuk di bawah pimpinan Vladimir Lenin</p> <p>F7 Khalifah Empayar Uthmaniyyah, Sultan Mehmed VI Digulingkan</p> <p>F8 Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk</p> <p>F9 Kemunculan Negara Baharu</p> <p>F10 Keruntuhan empayar Austria-Hungary melahirkan negara baharu seperti Austria/ Hungary/ Czechoslovakia/ Yugoslavia</p> <p>F11 Perpecahan empayar Rusia membawa kepada penubuhan negara baru seperti Poland/ Estonia/ Latvia/ Lithuania</p> <p>F12 Perpecahan empayar Uthmaniyyah menyebabkan muncul</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

	<p>negara baharu seperti Lebanon/ Syria/ Iraq</p> <p>F13 Kesan terhadap Negara Kita 1</p> <p>F14 Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang 1</p> <p>F15 yang menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British 1</p> <p>F16 undang-undang berkaitan dengan perang diluluskan oleh British 1</p> <p>F17 memperuntukkan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British untuk meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera 1</p> <p>F18 Ekonomi negeri Melayu dimanipulasi oleh British 1</p> <p>F19 Wang hasil bijih timah/ getah digunakan untuk membiayai operasi British dalam perang dunia pertama 1</p>	[6 m]
5(c)	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Meningkatkan ilmu pengetahuan</i> - <i>Supaya peka dengan perkembangan semasa</i> - <i>Berfikir dengan baik</i> - <i>Dapat membezakan perkara baik dengan perkara buruk</i> - <i>Menilai kesan terhadap negara jika berlaku perpeperangan</i> - <i>Kemusnahan akibat perpeperangan</i> - <i>Pentingnya perundingan jika berlaku perselisihan</i> - <i>Semua pihak perlu bertolak ansur dan menghormati kedaulatan negara lain</i> - <i>Supaya semua pihak berpuas hati</i> - <i>Perpaduan dan kerjasama juga penting</i> - <i>Menjadikan kita kuat dan fokus kepada matlamat</i> - <i>Masa depan negara dan bangsa adalah tanggungjawab semua warga negara</i> <p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik</p>	7 - 8
		5 - 6

	<p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Meningkatkan ilmu pengetahuan</i> - <i>Supaya peka dengan perkembangan semasa</i> - <i>Pentingnya perundingan jika berlaku perselisihan</i> - <i>Semua pihak perlu bertolak ansur dan menghormati kedaulatan negara lain</i> - <i>Perpaduan dan kerjasama juga penting</i> - <i>Menjadikan kita kuat dan fokus kepada matlamat</i> 	
	<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Meningkatkan ilmu pengetahuan</i> - <i>Peka dengan perkembangan semasa</i> - <i>Elakkan berperang</i> - <i>Berunding dan bertolak ansur</i> 	3 - 4
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Meningkatkan ilmu pengetahuan</i> - <i>Peka dengan perkembangan semasa</i> 	1 – 2
6(a)	<p>F1 Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union 1</p> <p>F2 Orang Melayu/ Raja-raja Melayu/ Cendekiawan Melayu/ UMNO berganding bahu membantah Malayan Union 1</p> <p>F3 disebabkan Malayan Union memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu/ orang Melayu 1</p> <p>F4 Ahli Parlimen British, Gammans/ Rees William menyaksikan bantahan orang Melayu 1</p> <p>F5 melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada Dewan Parlimen British 1</p> <p>F6 sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union, keadaan huru hara akan berlaku di Tanah Melayu 1</p> <p>F7 persediaan untuk menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dijalankan melalui rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British 1</p> <p>F8 Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO 1</p> <p>F9 Malcom MacDonald/ Gabenor Jeneral/ Sir Edward Gent/ 1</p>	

	Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan/ perbincangan dengan Raja-raja Melayu	
F10	Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan	1
F11	Perjanjian baharu menggantikan Malayan Union	1
F12	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
F13	Raja berkuasa dalam perundangan	1
F14	Perkataan "Negeri-negeri Melayu" muncul dalam persekutuan yang baharu.	1
F15	Sultan Perak menjelaskan kepada Sir Edward Gent agar mendesak British menerima usul	1
F16	Sokongan pentadbir British	1
F17	menyokong kerana dapat mewujudkan keamanan/ kestabilan/ kemajuan ekonomi	1
F18	Sir Edward Gent/ Malcolm MacDonald/ Sir Ralph Hone/ Gammans/ A.T. Newbolt/ Roland Braddell/ W. Linehan/ Theodore Adams	1
F19	Sir Ralph Hone mencadangkan agar melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan	1
F20	memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri/ Majlis Perundangan	1
F21	British memberi peluang kepada Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas	1
F22	Pembentukan persekutuan mewujudkan kestabilan politik yang mendorong pelabur luar melabur	1
F23	melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh PBB	1
	[6 m]	
6(b) i)	Pentadbiran	
F1	gabungan Sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat	1
F2	Singapura kekal sebagai tanah jajahan yang berasingan	1
F3	Kerajaan Persekutuan diketuai Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif	1
F4	Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal Kewangan	1
F5	serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama	1
F6	Majlis Perundangan Persekutuan/ Majlis Mesyuarat Persekutuan membantu Pesuruhjaya Tinggi British	1
F7	Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi	1
F8	Ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
F9	Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum	1
	[3 m]	

	<p>ii) Kewarganegaraan</p> <p>F1 Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang F2 Jus soli terbuka kepada rakyat Raja/ rakyat British F3 Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja/ rakyat British F4 Penduduk asal yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu F5 Rakyat Raja/ mereka yang serasi/ memahami adat resam/ bertutur bahasa setempat F6 Kewarganegaraan Secara Pendaftaran F7 Lahir dalam Persekutuan Tanah Melayu F8 Bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya F9 Mempunyai tingkahlaku yang baik/ tiada rekod jenayah F10 menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris F11 bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu</p>	
		[3 m]
6(c)	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Perlembagaan Persekutuan memperakui dan menerima bentuk pembinaan negara bangsa Malaysia</i> - <i>Perlembagaan dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan</i> - <i>Ini akan menjamin kesejahteraan yang akan membawa kepada kegemilangan negara</i> - <i>Perlembagaan menggariskan pasak negara iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan menjaga kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak</i> - <i>Perkara sensitif ini tidak boleh dipertikaikan bagi mengelakkan perselisihan faham yang boleh membawa kepada perbalahan kaum</i> - <i>Seperti peristiwa 13 Mei 1969</i> - <i>Raja Berperlembagaan menjadi simbol perpaduan, bahasa ibunda boleh dipelajari, agama lain diamalkan dan menjamin kepentingan minoritinya</i> 	7 - 8

<ul style="list-style-type: none"> - Keunikan Malaysia ini dapat dilihat apabila masyarakat berbilang kaum dapat hidup dalam suasana harmoni - Seperti Melayu, Cina dan India - Ini menunjukkan sikap tolak ansur antara masyarakat berbilang kaum - Pelbagai jenis makanan mengikut kaum seperti nasi ayam, roti canai, nasi lemak dapat dinikmati oleh semua rakyat - Menjadi tarikan pelancong ke negara kita - Keamanan negara dapat dipelihara 	[5 – 6]
<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlembagaan dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan - Ini akan menjamin kesejahteraan yang akan membawa kepada kegemilangan negara - Perlembagaan menggariskan pasak negara iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan menjaga kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak - Perkara sensitif ini tidak boleh dipertikaikan bagi mengelakkan perbalahan kaum - Keunikan Malaysia ini dapat dilihat apabila masyarakat berbilang kaum dapat hidup dalam suasana harmoni - Seperti Melayu, Cina dan India - Ini menunjukkan sikap tolak ansur antara masyarakat berbilang kaum 	
<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlembagaan dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan - Ini akan menjamin kesejahteraan negara - Perlembagaan menggariskan pasak negara iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, 	[3 – 4]

	<p><i>Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan menjaga kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak</i></p> <p>- <i>Perkara sensitif ini tidak boleh dipertikaikan bagi mengelakkan perbalahan kaum</i></p> <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Perlembagaan dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan</i> - <i>Ini akan menjamin kesejahteraan negara</i> 	
7(a)	<p>F1 Merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara 1</p> <p>F2 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara. 1</p> <p>F3 Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan/ peranan institusi beraja. 1</p> <p>F4 Institusi beraja terdiri daripada institusi Majlis Raja-raja, institusi di negeri-negeri dan institusi Yang di-Pertuan Agong pada peringkat persekutuan. 1</p> <p>F5 Mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi 1</p>	[1 – 2]
7(b)	<p>F1 Kuasa Eksekutif 1</p> <p>F2 Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri 1</p> <p>F3 Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri 1</p> <p>F4 Melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat. 1</p> <p>F5 Baginda dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-menteri/ Timbalan-timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat/ Dewan Negara 1</p> <p>F6 Pelantikan Jawatan Penting 1</p> <p>F7 Yang di-Pertuan Agong melantik Peguam Negara/ Panglima Angkatan Tentera/ Ketua Audit Negara 1</p> <p>F8 Baginda juga melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya/ Ahli Suruhanjaya Polis/ sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan tentera. 1</p> <p>F9 Ketenteraan 1</p> <p>F10 Yang di-Pertuan Agong pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia. 1</p>	[3 m]

	F11 Baginda dibantu Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab di bawah kuasa baginda	1
	F12 Bagi pemerintahan/ tatatertib/ pentadbiran Angkatan tentera/ perkara bersangkutan gerakan tentera	1
	F13 Diplomatik	1
	F14 Yang di-Pertuan Agong melantik diplomat Malaysia ke luar negara	1
	F15 Baginda juga menerima menghadap diplomat asing sebelum mula menjalankan tugas	1
	F16 Kuasa Perundangan	1
	F17 Yang di-Pertuan memperkenankan Rang Undang-Undang	1
	F18 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil parlimen bersidang.	1
	F19 Baginda berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen	1
	F20 Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri/ Wilayah Persekutuan/ Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak dan Sabah	1
	F21 Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga/ melindungi kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera di Sarawak dan Sabah	1
	F22 Baginda bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain	1
	F23 Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat	1
	F24 Pengisytiharan darurat dibuat setelah memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam/ ekonomi negara	1
	F25 Kuasa Kehakiman	1
	F26 Yang di-Pertuan Agong melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri	1
	F27 Kuasa Pengampunan dalam hal jenayah	1
	F28 Baginda akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan	1
	F29 Baginda berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman	1
	[9 m]	
7(c)	Aras 4	[7 – 8]
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas	
	Bukti/ contoh sangat sesuai	
	Membuat inferens yang tepat	
	Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci	
	Komunikasi/ pengolahan sangat menarik	
	Menunjukkan kematangan	

	<p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - YDPA yang memahami dan menghayati kesusahan rakyat - YDPA melawat rakyat yang berada dalam kesusahan tanpa perlu disambut mengikut protokol khusus - Contohnya, YDPA mengadakan lawatan mangsa banjir - Kedudukan raja tidak akan terjejas - Malah akan dihormati - Prinsip seorang raja yang mendahulukan rakyat berbanding kepentingan peribadi - Sanggup bersusah payah bersama rakyat - Walaupun baginda boleh sahaja menghantar wakil untuk melihat keadaan rakyat - Keberadaan YDPA di kala kesusahan sekurang-kurangnya dapat melegakan perasaan rakyat - Tindakan YDPA yang segera bertindak apabila rakyat ditimpa kesusahan - Terus memberhentikan kereta apabila ternampak kemalangan berlaku - Memberi bantuan kewangan dan sokongan moral kepada mangsa kemalangan 	
	<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Raja yang memahami dan menghayati kesusahan rakyat - Raja melawat rakyat yang berada dalam kesusahan tanpa perlu menyediakan protokol khusus - Contohnya, sultan mengadakan lawatan mangsa banjir - Kedudukan raja tidak akan terjejas - Prinsip seorang raja yang mendahulukan rakyat berbanding kepentingan peribadi - Sanggup bersusah payah bersama rakyat 	[5 – 6]
	<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Raja yang memahami dan menghayati kesusahan rakyat - Raja melawat rakyat yang berada dalam kesusahan 	[3 – 4]

	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Prinsip seorang raja yang mendahulukan rakyat berbanding kepentingan peribadi</i> - <i>Sanggup bersusah payah bersama rakyat</i> <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Raja yang memahami dan menghayati kesusahan rakyat</i> - <i>Raja melawat rakyat yang berada dalam kesusahan</i> 	[1 – 2]																																																
8(a)	<table> <tbody> <tr> <td>F1</td><td>Mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F2</td><td>Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan/ kepercayaan</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F3</td><td>mempunyai kesetiaan/ cinta akan negara</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F4</td><td>mendukung cita-cita untuk mencipta masyarakat yang adil</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F5</td><td>Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama menikmati kekayaan negara</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F6</td><td>Pihak yang lemah/ berkurangan dibantu/ mempunyai peluang yang sama untuk bersaing/ bebas daripada penindasan</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F7</td><td>menegakkan masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F8</td><td>mengamalkan nilai-nilai ketuhanan</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F9</td><td>masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan/ kemajuan pada masa ini</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F10</td><td>memelihara wujudnya masyarakat yang liberal</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F11</td><td>bebas mengamalkan agama/ adat resam/ kebudayaan masing-masing</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F12</td><td>masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan bangsa dan negara</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F13</td><td>memelihara cara hidup demokratik</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F14</td><td>Rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi Perlembagaan</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F15</td><td>Perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi/ kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F16</td><td>Kepentingan negara diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum</td><td>1</td></tr> </tbody> </table>	F1	Mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu	1	F2	Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan/ kepercayaan	1	F3	mempunyai kesetiaan/ cinta akan negara	1	F4	mendukung cita-cita untuk mencipta masyarakat yang adil	1	F5	Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama menikmati kekayaan negara	1	F6	Pihak yang lemah/ berkurangan dibantu/ mempunyai peluang yang sama untuk bersaing/ bebas daripada penindasan	1	F7	menegakkan masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi	1	F8	mengamalkan nilai-nilai ketuhanan	1	F9	masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan/ kemajuan pada masa ini	1	F10	memelihara wujudnya masyarakat yang liberal	1	F11	bebas mengamalkan agama/ adat resam/ kebudayaan masing-masing	1	F12	masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan bangsa dan negara	1	F13	memelihara cara hidup demokratik	1	F14	Rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi Perlembagaan	1	F15	Perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi/ kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang	1	F16	Kepentingan negara diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum	1	[4 m]
F1	Mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu	1																																																
F2	Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan/ kepercayaan	1																																																
F3	mempunyai kesetiaan/ cinta akan negara	1																																																
F4	mendukung cita-cita untuk mencipta masyarakat yang adil	1																																																
F5	Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama menikmati kekayaan negara	1																																																
F6	Pihak yang lemah/ berkurangan dibantu/ mempunyai peluang yang sama untuk bersaing/ bebas daripada penindasan	1																																																
F7	menegakkan masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi	1																																																
F8	mengamalkan nilai-nilai ketuhanan	1																																																
F9	masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan/ kemajuan pada masa ini	1																																																
F10	memelihara wujudnya masyarakat yang liberal	1																																																
F11	bebas mengamalkan agama/ adat resam/ kebudayaan masing-masing	1																																																
F12	masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan bangsa dan negara	1																																																
F13	memelihara cara hidup demokratik	1																																																
F14	Rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi Perlembagaan	1																																																
F15	Perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi/ kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang	1																																																
F16	Kepentingan negara diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum	1																																																
8(b)	<table> <tbody> <tr> <td>F1</td><td>Kepercayaan kepada Tuhan</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F2</td><td>Agama menjadi panduan hidup</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F3</td><td>untuk membentuk keperibadian yang baik</td><td>1</td></tr> <tr> <td>F4</td><td>landasan membina keharmonian kaum</td><td>1</td></tr> </tbody> </table>	F1	Kepercayaan kepada Tuhan	1	F2	Agama menjadi panduan hidup	1	F3	untuk membentuk keperibadian yang baik	1	F4	landasan membina keharmonian kaum	1																																					
F1	Kepercayaan kepada Tuhan	1																																																
F2	Agama menjadi panduan hidup	1																																																
F3	untuk membentuk keperibadian yang baik	1																																																
F4	landasan membina keharmonian kaum	1																																																

	<ul style="list-style-type: none"> - Seseorang yang patuh kepada ajaran agama mempunyai budi pekerti yang mulia - Contohnya bersikap tolong menolong tanpa mengira kaum - Rakyat Malaysia sentiasa bersyukur dan menghargai nikmat yang diberikan tuhan - Prinsip kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam negara - Semua rakyat sama disisi undang-undang - Sesiapa yang melanggar undang-undang akan dihukum tanpa mengira kaum - Perlembagaan bertanggungjawab menjaga hak rakyat serta menjamin kemakmuran dan perpaduan kaum - Contohnya, seseorang tidak boleh mempersoalkan kesetiaan seseorang rakyat lain berdasarkan kaum - Negara aman damai 	
Aras 3	<p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakyat Malaysia harus mengakui bahawa Tuhan melebihi sebarang kuasa lain - Seseorang yang patuh kepada ajaran agama mempunyai budi pekerti yang mulia - Contohnya bersikap tolong menolong tanpa mengira kaum - Prinsip kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam negara - Sesiapa yang melanggar undang-undang akan dihukum tanpa mengira kaum - Perlembagaan bertanggungjawab menjaga hak rakyat 	[5 – 6]
Aras 2	<p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakyat Malaysia harus mengakui bahawa Tuhan melebihi sebarang kuasa lain - Seseorang yang patuh kepada ajaran agama mempunyai budi pekerti yang mulia - Prinsip kedaulatan undang-undang menjamin keadilan 	[3 – 4]

	<p>- Sesiapa yang melanggar undang-undang akan dihukum tanpa mengira kaum</p> <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakyat Malaysia harus mengakui bahawa Tuhan melebihi sebarang kuasa lain - Seseorang yang patuh kepada ajaran agama mempunyai budi pekerti yang mulia 	[1 – 2]
9(a)	<p>F1 Menangani isu alam sekitar 1</p> <p>F2 Terutama kesan rumah hijau/ kerosakan/ penipisan ozon/ pencemaran 1</p> <p>F3 Menunjukkan komitmen/ sumbangan besar dalam bidang alam sekitar 1</p> <p>F4 Memastikan kelestarian Langkawi terjamin 1</p> <p>F5 Menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau 1</p> <p>F6 Bagi mengawal perubahan iklim 1</p>	[4 m]
9(b)	<p>F1 Mengeluarkan deklarasi Agenda 21 1</p> <p>F2 Merupakan dokumen umum yang penting bagi pengurusan aktiviti manusia 1</p> <p>F3 Menyentuh tindakan pembangunan abad ke-21 1</p> <p>F4 Bagi mengatasi masalah kemiskinan/ kebuluran/ kemerosotan ekosistem 1</p> <p>F5 Malaysia terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 1</p> <p>F6 Persidangan Alam Sekitar di Bali pada tahun 2007 1</p> <p>F7 Persidangan ini merupakan satu persetujuan sah/ persefahaman negara maju 1</p> <p>F8 Bahawa negara yang terlibat akan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau 1</p> <p>F9 Menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar 1</p> <p>F10 Menerapkan/ mengguna pakai saranan agenda 21 dalam program pembangunan 1</p> <p>F11 Memastikan alam sekitar tidak terjejas 1</p> <p>F12 Diwariskan kepada generasi akan datang 1</p>	[8 m]

9(c)	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Menguatkuasakan undang-undang terhadap tindakan yang menyumbang kepada pemanasan global</i> - <i>Semua pihak dari setiap peringkat sama ada pegawai penguatkuasa sehingga menteri hendaklah menjalankan tugas dengan tegas</i> - <i>Menggubal akta agar hukuman yang setimpal dikenakan kepada mereka yang bersalah</i> - <i>Pemimpin negara seharusnya aktif menyertai konvensyen/ forum antarabangsa</i> - <i>Bagi menyuarakan/ menyokong usaha mengatasi pemanasan global</i> - <i>Contohnya menyertai Sidang Kemuncak Bumi PBB</i> - <i>Menggunakan sumber tenaga yang diperbaharui</i> - <i>Seperti tenaga hidroelektrik dan tenaga solar</i> - <i>Menutup suis dan menanggalkan palam (plug) elektrik dapat mengurangkan penggunaan elektrik sekaligus mengurangkan pemanasan global</i> - <i>Mengadakan kempen kesedaran tentang pemanasan global</i> - <i>Melalui pesanan khidmat masyarakat dalam iklan televisyen</i> - <i>Mendidik masyarakat tentang keburukan dan langkah terbaik untuk mengatasinya</i> - <i>Semua pihak berganding bahu menangani masalah ini</i> <p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Menguatkuasakan undang-undang terhadap tindakan yang menyumbang kepada pemanasan global</i> - <i>Semua pihak dari setiap peringkat sama ada pegawai penguatkuasa sehingga menteri hendaklah menjalankan tugas dengan tegas</i> - <i>Pemimpin negara seharusnya aktif menyertai konvensyen/ forum antarabangsa</i> - <i>Contohnya menyertai Sidang Kemuncak Bumi PBB</i> 	[7 – 8]
------	---	---------

	<ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan kempen kesedaran tentang pemanasan global - Melalui pesanan khidmat masyarakat dalam iklan televisyen <p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menguatkuasakan undang-undang terhadap tindakan yang menyumbang kepada pemanasan global - Semua pihak dari setiap peringkat hendaklah menjalankan tugas dengan tegas - Mengadakan kempen kesedaran tentang pemanasan global - Melalui pesanan khidmat masyarakat dalam iklan televisyen 	[3 – 4]
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menguatkuasakan undang-undang - Semua pihak hendaklah menjalankan tugas dengan tegas 	[1 – 2]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT